

Optimis tembusi pasaran India

Petaling Jaya: Shaklee Products (Malaysia) Sdn Bhd mengunjurkan penembusan pasaran India dalam tempoh dua tahun lagi yang menjadi sebahagian daripada strategi syarikat mahu melebarkan pegangan di Asia Tenggara.

Tahun lalu, pihaknya berjaya meletakkan sayap perniagaan ke Indonesia selepas mencapai pegangan pasaran sebanyak satu peratus di Malaysia dalam segmen suplemen makanan dan minuman kesihatan.

Presidennya, Victor Lim berkata, pihaknya optimis untuk mencapai sasaran ke

India yang mempunyai populasi dan pasaran berpotensi tinggi.

Katanya, buat masa ini pihaknya sudah mempunyai persiapan termasuk pembukaan syarikat dan pendaftaran operasi kelak.

"Kami masih belum mempunyai anggaran pelaburan kerana ia masih belum dimuktamadkan tetapi itu adalah sasaran pelebaran operasi terdekat kita."

"Selain memastikan pengenalan sekurang-kurangnya satu atau dua produk setiap tahun, Shaklee juga memastikan rancangan dalam tempoh lima tahun bagi

pembukaan satu atau dua lagi operasi di Asia Tenggara berjaya," katanya selepas majlis perasmian 'Shaklee Cares for Our Children' dengan kerjasama Yayasan MyKasih, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengurus Majlis Kebajikan Kanak-Kanak Malaysia Tan Sri Zaleha Ismail dan Pemegang Amanah Yayasan MyKasih Khairon Shariff.

Pihaknya bakal melancarkan produk baru menjelang akhir tahun ini ke pasaran Malaysia iaitu Vitamin khusus bagi kanak-kanak bagi melengkapkan penawaran produk kepada pengguna.

MyKasih

My Neighbourhood



VICTOR pada majlis perasmian 'Shaklee Cares for Our Children', semalam.

